

TARIKH	28 / 5 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	27	RUANGAN	Nasional

## Guru di Lahad Datu bersyukur

» Beri tumpuan kepada calon UPSR selepas pencerobohan pengganas berakhir

Oleh Rosdi Ismail

► Lahad Datu

Berakhirnya peristiwa penyerobohan pengganas di Lahad Datu, Sabah awal Mac lalu memberi rahmat khususnya kepada warga pendidikan di daerah itu yang kini dapat melaksanakan tugas dengan aman.

Ramai daripada mereka menganggap pencerobohan itu sebagai pengalaman menakutkan apabila turut tersebarluh berita yang kurang sahih hingga menyebabkan banyak aktiviti pengajaran dan pembelajaran ditangguhkan.

Guru Tahun Enam Sekolah Kebangsaan (SK) Sepagaya, Sabrina Victor, berkata pelbagai aktiviti seperti kelas tambahan untuk murid Tahun Enam yang akan menduduki Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dibatalkan.

"Kami yang mengajar calon UPSR turut gusar kerana pembelajaran tambahan bagi membantu calon UPSR tidak dapat dilaksanakan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada program Seminar Bimbingan Peperiksaan UPSR tajaan Kelab TaHa, Tabung Haji di Dewan Perdana, Lahad Datu, baru-baru ini.

Seminar sehari yang disertai

270 calon UPSR daripada 10 sekolah sekitar daerah Lahad Datu. Program anjuran bersama Unit Pendidikan BH itu dirasmikan Ahli Dewan Undangan Negeri Lahad Datu, Dato' Mohd Yusoff Apdal.

Turut hadir Pengurus Daerah Tabung Haji Lahad Datu, Abdul Hamid Abdul Rahman.

### Satu jam perjalanan

Bagi guru mata pelajaran Sains sekolah itu, Norhayati Mohammad, walaupun lokasi pencerobohan itu sekitar satu jam perjalanan dari Lahad Datu, ada murid tidak hadir ke sekolah kerana ibu bapa bimbang keselamatan anak.

Kedua-dua itu juga katanya, menyebabkan guru terpaksa mengambil cuti rehat khas (CRK).

"Dalam situasi tegang, pelbagai kejadian boleh berlaku, dan pihak sekolah terpaksa menunda aktiviti tambahan," katanya.

Guru SK Lahad Datu IV, Masniah Mado, berkata seminar anjuran Kelab TaHa itu antara aktiviti luar kelas pertama dianjurkan di daerah berkenaan dan ibu bapa tidak lagi bimbang akan keselamatan anak mereka.

"Seminar ini juga secara tidak langsung mengembalikan keyakinan dan semangat murid yang akan menduduki UPSR untuk terus gigih dan cemerlang dalam peperiksaan," katanya.

Sementara itu, Mohd Yusoff dalam ucapan perasmianya pula, menyarankan program perkongsian pembelajaran antara TH dan BH diteruskan kerana bermanfaat membantu murid cemerlang dalam UPSR.

"Sebagai wakil rakyat baharu, saya tiada masalah memberi sokongan dan bantuan bagi menjayakan pelbagai program pendidikan di sini supaya anak tempatan dapat terus belajar hingga ke menara gading," katanya.



Guru Tahun Enam SK Lahad Datu IV, Nik Suhana Megat Daud (depan), Masniah Mado (tengah) dan Nor Laiyah Yusuf melihat murid menyiapkan latihan pada Seminar Bimbingan Peperiksaan UPSR tajaan Kelab TaHa, Tabung Haji di Dewan Perdana, Lahad Datu, baru-baru ini.

# BERITA HARIAN

ILMU DAN MAKLUMAT

TARIKH	28 / 5 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	27	RUANGAN	Nasional



**Mohd Yusoff menyampaikan sijil penyertaan kepada wakil sekolah yang menyertai Seminar Bimbingan Peperiksaan UPSR tajaan Kelab TaHa, Tabung Haji di Dewan Perdana, Lahad Datu, baru-baru ini, sambil diperhatikan Abdul Hamid (kiri).**